

Baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda memutuskan untuk melanggan produk ini. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat produk ini. Dapatkan penerangan daripada pegawai kami jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen atau terma ini.

AR-RAHNU TAWARRUQ

Tarikh: 28 Disember 2022

1. Apakah kemudahan Ar-Rahnu Tawarruq Bank Islam?

- ✓ Ar-Rahnu Tawarruq ini merupakan pembiayaan jangka pendek di mana pelanggan akan mengagarkan emas sebagai Aset Gadaian bagi kemudahan pembiayaan yang diberikan.
- ✓ Paket Perniagaan juga ditawarkan kepada semua pelanggan dengan kadar keuntungan yang lebih rendah, bermula dengan amaun pembiayaan sebanyak RM30,000.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- ✓ Kemudahan ini adalah berdasarkan konsep Tawarruq. Tatacara akad Tawarruq adalah seperti berikut:
 - i. Pelanggan membeli komoditi (yang telah diluluskan oleh Majlis Pengawasan Shariah Bank Islam) daripada Bank Islam pada Harga Jualan dengan bayaran tangguh.
 - ii. Pelanggan kemudiannya menjual komoditi yang telah dibeli kepada Pembeli Komoditi (pihak ketiga) melalui Bank Islam sebagai wakil Pembeli Komoditi secara tunai yang bersamaan dengan Jumlah Pembiayaan yang diberikan kepada pelanggan.
- ✓ Pelanggan akan menggadaikan emas iaitu Aset Gadaian sebagai sekuriti kepada Bank Islam berdasarkan kontrak Rahn (gadaian) terhadap keber hutangan pelanggan dan Bank Islam berhak melelong Aset Gadaian jika pelanggan gagal menjalankan kewajipan pelanggan.
- ✓ Bank Islam akan bertanggungjawab ke atas Aset Gadaian di bawah simpanan Bank Islam dan akan memulangkan Aset Gadaian tersebut kepada pelanggan setelah pembayaran penuh kemudahan dibuat.

3. Apakah ciri-ciri yang ada pada kemudahan ini?

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kelayakan | <ul style="list-style-type: none"> • Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Warganegara Malaysia; atau ii. Berstatus penduduk tetap. • Mestilah mempunyai Kad Pengenalan. • Mestilah mempunyai nombor telefon dan alamat tempatan untuk dihubungi. • Bukan seorang yang bankrap. |
|---|--|

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ✓ Aset Gadaian | <ul style="list-style-type: none"> • Mestilah dalam bentuk emas/ barang kemas seperti jongkong, gelang, rantai dan sebagainya. • Mestilah dimiliki oleh pelanggan sepenuhnya. |
|--|---|

✓ Kriteria Penilaian Aset Gadaian	Jenis Emas	Penerangan	Nilai
	Emas baru	Jongkong emas Nota: Tidak melebihi 300 gram setiap jongkong emas	Nilai semasa
	Emas terpakai	Emas yang telah digunakan	Nilai semasa
	Emas berbatu	Emas yang mempunyai batu permata	Berat batu akan ditentukan berdasarkan saiz dan akan ditolak daripada jumlah berat

<ul style="list-style-type: none"> ✓ Piawaian Emas 	➤ 999 (24 Karat)	➤ 916 (22 Karat)	➤ 835 (20 Karat)
	➤ 950 (23 Karat)	➤ 875 (21 Karat)	➤ 750 (18 Karat)

<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengiraan Nilai Aset Gadaian 	Nilai Aset Gadaian = Berat x Harga Emas Pasaran (mengikut gred)
--	--

✓ Jumlah Pembiayaan	Ciri-Ciri	Pakej Biasa	Pakej Perniagaan																					
	Margin Pembiayaan	Hingga 80% daripada Nilai Aset Gadaian																						
	Jumlah Minimum	RM100	RM30,000																					
	Jumlah Maksimum	RM250,000	RM500,000																					
<u>Nota:</u>																								
<p>1. Pembiayaan berjumlah RM30,000 dan ke atas bagi setiap akaun pembiayaan akan tertakluk kepada Pakej Perniagaan dan kadar keuntungannya secara automatik.</p> <p>2. Jumlah Pembiayaan maksimum bagi kedua-dua Pakej Biasa dan Perniagaan untuk setiap pelanggan adalah RM500,000 sahaja. Sekiranya pelanggan telah memperolehi pembiayaan berjumlah RM250,000 di bawah Pakej Biasa, baki RM250,000 hanya dibenarkan untuk pembiayaan di bawah Pakej Perniagaan.</p> <p>Ilustrasi Jumlah Pembiayaan maksimum yang dibenarkan bagi setiap pelanggan:</p>																								
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Pakej</th><th>Senario 1</th><th>Senario 2</th><th>Senario 3</th><th>Senario 4</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pakej Biasa</td><td>RM250,000</td><td>RM250,000</td><td>-</td><td>RM100,000</td></tr> <tr> <td>Pakej Perniagaan</td><td>RM250,000</td><td>-</td><td>RM500,000</td><td>RM400,000</td></tr> <tr> <td>Jumlah</td><td>RM500,000</td><td>RM250,000</td><td>RM500,000</td><td>RM500,000</td></tr> </tbody> </table>					Pakej	Senario 1	Senario 2	Senario 3	Senario 4	Pakej Biasa	RM250,000	RM250,000	-	RM100,000	Pakej Perniagaan	RM250,000	-	RM500,000	RM400,000	Jumlah	RM500,000	RM250,000	RM500,000	RM500,000
Pakej	Senario 1	Senario 2	Senario 3	Senario 4																				
Pakej Biasa	RM250,000	RM250,000	-	RM100,000																				
Pakej Perniagaan	RM250,000	-	RM500,000	RM400,000																				
Jumlah	RM500,000	RM250,000	RM500,000	RM500,000																				
✓ Kekerapan Urusniaga	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan boleh membuka lebih daripada 1 akaun sehari. Jumlah pembiayaan hendaklah tidak melebihi RM40,000 (bagi Pakej Biasa) atau RM75,000 (bagi Pakej Perniagaan) untuk setiap akaun. 																							
✓ Tempoh Pembiayaan/ Gadaian	<ul style="list-style-type: none"> Tempoh maksimum kemudahan adalah 18 bulan. Pelanggan hendaklah menjelaskan Jumlah Keuntungan pada setiap 6 bulan Tempoh Gadaian. Pelanggan juga berhak untuk membuat penyelesaian penuh dan menebus Aset Gadaian pada mana-mana Tempoh Gadaian. 																							
✓ Cara Pembayaran/ Pengeluaran	Tunai atau kredit ke Akaun Simpanan/ Semasa/ Pelaburan Pelanggan.																							
4. Apakah yang saya dapat daripada produk ini?																								
Ilustrasi:																								
✓ Nilai Aset Gadaian	RM10,000																							
✓ Jumlah Pembiayaan	RM 7,000.00																							
✓ Kadar Keuntungan	9.6% setahun																							
✓ Harga Jualan	RM 8,689.04																							
✓ Tempoh Gadaian	6 bulan	12 bulan	18 bulan																					
✓ Jumlah Keuntungan	RM 481.32	RM 960.00	RM 1,441.32																					
5. Apakah formula pengiraan Harga Jualan dan Jumlah Keuntungan?																								
Formula Keuntungan = Nilai Aset Gadaian x Kadar Keuntungan x Tempoh Pembiayaan																								
Kadar keuntungan Pakej Biasa:																								
Nilai Aset Gadaian (RM)		Hingga 500	501 hingga 2,500	Melebihi 2,500																				
Kadar Keuntungan (%) setahun		7.2	8.4	9.6																				

Kadar keuntungan Pakej Perniagaan:

Syarat Akaun	Akaun pertama	Gadaian semula / Akaun berikutnya (dengan syarat tiada rekod tunggakan)
Kadar Keuntungan (%) setahun	8.75	9.0

Harga Jualan	Bayaran Berdasarkan Tempoh Gadaian																								
<p><i>Ilustrasi:</i></p> <table> <tr> <td>Nilai Aset Gadaian</td> <td>:</td> <td>RM10,000</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Pembiayaan</td> <td>:</td> <td>RM7,000</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan Siling</td> <td>:</td> <td>11.25%</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Harga Jualan</td> <td>:</td> <td>18 bulan (548 hari)</td> </tr> </table> <p>Pengiraan Harga Jualan</p> <ul style="list-style-type: none"> = Jumlah Pembiayaan + Keuntungan = RM7,000 + [RM10,000 x 11.25% x (548/365)] = RM7,000 + RM1,689.04 = <u>RM8,689.04</u> 	Nilai Aset Gadaian	:	RM10,000	Jumlah Pembiayaan	:	RM7,000	Kadar Keuntungan Siling	:	11.25%	Tempoh Harga Jualan	:	18 bulan (548 hari)	<p><i>Ilustrasi:</i></p> <table> <tr> <td>Nilai Aset Gadaian</td> <td>:</td> <td>RM10,000</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Pembiayaan</td> <td>:</td> <td>RM7,000</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan Efektif</td> <td>:</td> <td>9.6%</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Gadaian</td> <td>:</td> <td>6 bulan (183 hari)</td> </tr> </table> <p>Pengiraan Jumlah Bayaran</p> <ul style="list-style-type: none"> = Jumlah Pembiayaan + Keuntungan = RM7,000 + [RM10,000 x 9.6% x (183/365)] = RM7,000 + RM481.32 = <u>RM7,481.32</u> 	Nilai Aset Gadaian	:	RM10,000	Jumlah Pembiayaan	:	RM7,000	Kadar Keuntungan Efektif	:	9.6%	Tempoh Gadaian	:	6 bulan (183 hari)
Nilai Aset Gadaian	:	RM10,000																							
Jumlah Pembiayaan	:	RM7,000																							
Kadar Keuntungan Siling	:	11.25%																							
Tempoh Harga Jualan	:	18 bulan (548 hari)																							
Nilai Aset Gadaian	:	RM10,000																							
Jumlah Pembiayaan	:	RM7,000																							
Kadar Keuntungan Efektif	:	9.6%																							
Tempoh Gadaian	:	6 bulan (183 hari)																							

Nota Penting

- Ibra' (rebat) akan diberikan kepada Pelanggan ke atas perbezaan di antara Harga Jualan dengan bayaran yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan Tempoh Gadaian selepas penjelasan penuh kemudahan dan penebusan Aset Gadaian dibuat.
- Rebат yang diberikan kepada Pelanggan berdasarkan ilustrasi di atas berjumlah RM8,689.04 – RM7,481.32 = **RM1,207.72**.

6. Apakah kewajipan yang perlu saya laksanakan jika saya mengambil kemudahan ini?

Baki pembiayaan termasuk semua caj yang dikenakan kepada Pelanggan hendaklah dibayar sepenuhnya pada Tarikh Bayaran yang ditetapkan.

7. Bagaimana jika saya menyelesaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Pelanggan perlu membuat penyelesaian penuh kemudahan beserta rebat dan menebus Aset Gadaian.

8. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan-kewajipan saya?

Bank Islam berhak mengambil tindakan undang-undang atau melelong kesemua Aset Gadaian atau menggabung dan menyatukan kesemua atau mana-mana akaun pelanggan bagi menolak selesai keberhutangan pelanggan terhadap Bank Islam, selepas 21 hari daripada tarikh Notis Tuntutan Terakhir yang dikeluarkan, dan menuntut amaun tertunggak termasuk segala kos berkaitan sekiranya:

- i. Pelanggan gagal dan/atau ingkar menjelaskan bayaran Jumlah Pembiayaan dan Keuntungan dalam tempoh yang ditetapkan;
- ii. Berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal;
- iii. Pelanggan diisyiharkan bankrap; dan/atau
- iv. Pelanggan melanggar mana-mana syarat kemudahan ini dan yang berkaitan dengannya.

9. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami dengan segera sebarang perubahan kepada butiran perhubungan bagi memastikan semua urusan surat menyurat sampai kepada anda dalam tempoh yang ditetapkan.

10. Di mana boleh saya dapatkan bantuan dan cara penyelesaian?

Sekiranya anda menghadapi kesulitan dalam membuat pembayaran, anda dinasihat untuk menghubungi kami dengan kadar segera untuk membincangkan pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan
Bank Islam Malaysia Berhad
Tingkat 17, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak,**

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberikan khidmat percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula hutang seseorang. Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Tingkat 5 dan 6,
Menara Bumiputra Commerce**

<p><i>50450 Kuala Lumpur. Tel.: 03 2690 0900 Faks: 03 2782 1337 E-mel: contactcenter@bankislam.com.my</i></p>	<p><i>Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. Tel.: 03 2616 7766 Faks: 03 2616 7601 Laman Web: https://www.akpk.org.my/</i></p>
<p>Sekiranya anda ingin membuat aduan berkenaan produk atau perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi kami di:</p> <p><i>Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 17, Menara Bank Islam No 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur. Tel.: 03 2690 0900 Faks: 03 2782 1284 E-mel: customercare@bankislam.com.my</i></p>	<p>Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:</p> <p><i>Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel.: 1 300 88 5465 Faks: 03 2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my</i></p>
<p>11. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?</p>	
<p>Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan, sila rujuk kepada maklumat yang disediakan di cawangan kami dan di laman web www.bankislam.com.</p>	
<p>12. Pakej-pakej pembiayaan lain yang ada</p>	
<p>Tiada.</p>	
<p>PERINGATAN PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL KE ATAS ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA.</p>	

Maklumat yang diberi di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah diterima pakai mulai **28 Disember 2022**.

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....
Nama:
No. Kad Pengenalan:
Tarikh: